



Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2( 3 )

Tarikh : 14 Disember 2023

**Semua Pengarah Perpaduan Negeri**  
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**  
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.14/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PINTAR KREATIF**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.14/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pintar Kreatif** bertujuan sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan Program Pintar Kreatif. Garis Panduan ini terpakai kepada semua Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di seluruh negara.
- ... 3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan di bawah seliaan tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.14/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pintar Kreatif untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.
4. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian tuan/puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan Program Pintar Kreatif di peringkat Daerah/Negeri.
5. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.14/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pintar Kreatif boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2( 3 )

Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Roslan', with a long horizontal flourish extending to the right.

**(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)**

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



## **JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

### **ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 14/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PINTAR KREATIF**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Garis Panduan Pelaksanaan Program Pintar Kreatif ini dirangka adalah bagi memberikan panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri untuk melaksanakan program ini di peringkat Tabika Perpaduan.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 24 Julai 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021 - 2030 yang mana pelan ini memberi suntikan dan nafas baharu kepada program pendidikan awal kanak-kanak Tabika Perpaduan ke arah menyemai semangat perpaduan dan patriotisme di kalangan murid Tabika Perpaduan.
- 2.2 Matlamat pelan ini adalah untuk memperkukuhkan dan memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme dan mengamalkan nilai-nilai murni.
- 2.3 Pelbagai program dan pendekatan yang telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kualiti Tabika Perpaduan secara inklusif. Program Pintar Kreatif merupakan salah satu program yang bertujuan untuk mencungkil bakat dan potensi murid-murid Tabika Perpaduan disamping meningkatkan keyakinan diri di khalayak ramai. Ia juga memastikan perkembangan kanak-kanak secara holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan rohani dalam melahirkan generasi yang dinamik, progresif, aktif, berdisiplin dan berinovasi.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan pelaksanaan Program Pintar Kreatif ini adalah terpakai kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di seluruh negara.
- 3.2 Untuk makluman, Program Pintar Kreatif ini akan dilaksanakan di Peringkat Daerah/ Negeri pada bulan Januari setiap tahun.
- 3.3 Program Pintar Kreatif ini disasarkan kepada Guru /Penolong Guru Tabika Perpaduan, murid-murid Tabika Perpaduan dan ibubapa murid Tabika Perpaduan di seluruh negara.
- 3.4 Pelaksanaan program ini hendaklah berunsurkan elemen Perpaduan, Kenegaraan dan Nilai-Nilai Murni. Antara pengisian di dalam Program Pintar Kreatif ini adalah seperti berikut:
  - a) Tarian
  - b) Nyanyian
  - c) Bercerita
  - d) Membaca seperti membaca akhbar/teks di dalam buku
  - e) Persembahan Boneka/ *Puppet*
  - f) Pameran Inovasi/Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan
  - g) Bicara Berirama
  - h) Sajak
  - i) Puisi
  - j) Drama Muzikal
  - k) *Action Song*
  - l) Taridra
- 3.5 Pihak Daerah/Negeri dikehendaki membuat laporan pelaksanaan program seperti di (**Lampiran A**) dalam tempoh **14 hari** setelah selesai pelaksanaan program.

### 4.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di seluruh negara. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

## 5.0 RUMUSAN

Diharapkan dengan adanya Garis Panduan ini, pelaksanaan program Pintar Kreatif dapat dilaksanakan dengan lebih teratur di peringkat Daerah/ Negeri. Sehubungan itu, tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program Pintar Kreatif di peringkat Daerah/Negeri di seluruh negara.

## 6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak  
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)**

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional